

Malaysia paling

UM 4 AUG 2002

LANGKAWI 3 Ogos — Malaysia paling banyak mendapat faedah daripada dialog perkongsian pintar, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana negara ini berada dalam kedudukan terbaik untuk mempelajari daripada pengetahuan yang diperolehi pada dialog tersebut.

"Kita paling banyak mendapat faedah kerana walaupun mereka (negara-negara peserta) berminat, keupayaan mereka terhadap sebab itu mereka ingin belajar dari Malaysia," kata beliau.

Dr. Mahathir ditanya apakah faedah yang negara ini peroleh hasil daripada dialog perkongsian pintar semasa sidang akhbar pada hari terakhir Global 2002 di sini, hari ini.

Mengenai masa depan LID, Perdana Menteri berkata, semakin banyak negara berminat untuk menyertai dialog perkongsian pintar.

Tahun ini Kyrgyz, Rwanda dan beberapa lagi yang bukan ahli datang (ke Langkawi) kerana mereka berminat untuk menyertai LID," katanya.

banyak dapat faedah — PM

Menjawab satu pertanyaan, Dr. Mahathir berkata, para pemimpin negara yang menyertai dialog ini telah memberikan komitmen untuk terus menyertai dialog perkongsian pintar pada masa hadapan.

Bagi Perdana Menteri pula, katanya, akan juga terus menyertai dialog perkongsian pintar sekiranya dijemput untuk menghadirinya selepas bersara.

"Kalau saya dijemput saya akan pergi, tengok sahaja bekas Presiden (Botswana) Sir Ketumile Masire yang turut dijemput (wa-

laupun) dia tidak lagi menjadi presiden," katanya.

Dr. Mahathir akan bersara dari kerajaan dan parti pada tahun depan.

Dialog perkongsian pintar akan diadakan sekali lagi di sini pada 2004. Tahun depan, dialog akan diadakan di benua Afrika.

Perdana Menteri merupakan penaung penasihat dan penggerak dialog perkongsian pintar.

Ditanya sekali lagi komitmen pemimpin negara peserta, Perdana Menteri berkata:

"Ya, mereka akan terus menyertai (dialog perkongsian pintar) dan saya harap mereka akan meneruskannya.

Mengenai penyertaan negara baru, Perdana Menteri berkata, LID tidak akan menjemput semua negara kerana ia akan menjadikannya mustahil untuk diadakan.

"Kalau kita bawa masuk terlalu banyak negara ia akan melumpuhkan kita kerana kita tidak boleh ada terlalu banyak ketua kerajaan datang pada satu masa yang sama.